

Elemen dalam Kandungan Program Latihan dan Bimbingan kepada Pendakwah

BITARAVolume 3, Issue 2, 2020: 161-172
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Elements in the Content of Training Programmes and Mentorship for the Preacher]

Muhamad Faisal Ashaari¹ & Nabil Ahmad¹

Abstrak

Pendakwah perlu dilengkapi dengan pengetahuan yang terkini dan kemahiran semasa untuk menjadikan mereka relevan dan dakwahnya berkesan. Merasa cukup dengan ilmu dan kemahiran yang sedia ada membawa kepada kelemahan dalam pendekatan dan kekurangan dalam kandungan. Rasulullah dan para rasul yang terdahulu pun dilatih dan sentiasa dibimbing oleh Allah dalam melaksanakan urusan dakwah sehingga berjaya melaksanakan usaha dakwah dengan baik. Artikel ini membincangkan elemen penting dalam kandungan program latihan dan bimbingan untuk pendakwah. Ia dilakukan berdasarkan kepada kajian lepasan dalam bidang dakwah dan latihan serta hasil dari analisis terhadap bimbingan dan teguran Allah terhadap Rasulullah dan para Rasul. Artikel ini merumuskan tiga elemen kandungan yang perlu ada dan diseimbangkan dalam program latihan dan bimbingan iaitu ilmu, pembentukan sikap dan mengasah kemahiran. Pertama: Elemen ilmu ditekankan kerana kandungan dakwah terletak pada ilmu. Ia meliputi ilmu yang sedia ada dari pelbagai bidang dan pelbagai kaedah untuk mendapat pelbagai ilmu dalam persekitaran maya. Kedua: Elemen sikap ditekankan kerana ia merupakan cara untuk berhadapan dengan sasaran dakwah. Pendakwah perlu melengkapkan diri dengan sikap yang betul kerana sikap yang keras dan kasar akan memberi kesan kepada pendekatan dakwah. Ketiga: Elemen kemahiran penting kerana ia merupakan nilai tambah untuk melaksanakan dakwah dengan lebih berkesan. Ia juga lebih menarik perhatian sasaran dakwah dan membantu mereka dalam kehidupan. Ketiga-tiga perkara ini perlu ada dan diseimbangkan dalam kandungan latihan dan bimbingan kepada pendakwah. Dalam masa yang sama, pendakwah pula supaya melengkapkan diri untuk pengetahuan yang terkini dan kemahiran semasa dalam melaksanakan usaha dakwah dengan lebih berkesan.

Kata Kunci:

dakwah, latihan, bimbingan, kontemporari

Abstract

Preachers have to be equipped with the latest knowledge and current skills to make them relevant and effective. Feel good enough with existing knowledge and skills leads to weaknesses in approach and inadequate content. The Prophet Muhammad and all Messengers were well trained and guided by Allah in carrying out the work of da'wah and thus successfully in carrying out their duties. This article discusses important elements in the content of training programmes and mentorship for preachers. It is based on past studies in the field of both da'wah and training as well as stemmed from analysis of mentorships and reprimand from Allah to the Prophet and all Messengers. This article summarizes three elements of content that should be present and balanced in training programme and mentorship namely knowledge, attitude building and skills development. First: The element of knowledge is a

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

MUHAMAD FAISAL ASHAARI, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: faisall@ukm.edu.my

main concern because the content of da'wah is based on knowledge. It covers existing knowledge from various fields and various methods for acquiring knowledge in a virtual environment. Second: The element of attitude is emphasized as it is a way of dealing with the target group of da'wah. Preachers have to equip themselves with the right attitude because hard and rude attitudes will affect their approach in da'wah. Third: The element of skill is important as it is an added value to perform da'wah more effectively. It also draws attention to the target of da'wah and helps them. These three things must be present and balanced in the content of training programme and mentorship to the preacher. At the same time, the preacher should be equipped with the latest knowledge and current skills in carrying out da'wah effectively.

Keywords:

da'wah, training, mentorship, contemporary.

Cite This Article:

Muhamad Faisal Ashaari & Nabil Ahmad. 2020. Elemen dalam Kandungan Program Latihan dan Bimbingan kepada Pendakwah. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(2): 161-172.

Pengenalan

Dakwah merupakan usaha yang mencabar kerana mengubah pemikiran, sikap dan tindakan manusia dan usaha dakwah tidak berlaku dalam masa yang singkat. Para sarjana dalam bidang dakwah membangunkan metodologi dakwah untuk membimbing pendakwah menjalankan usaha dakwah dengan betul dan tersusun (al-Bayanuni, 1995). Menurut Burhanuddin Jalal et al. (2018), pendakwah perlu mahir dalam pelbagai aspek bukan sahaja isu-isu agama semata namun boleh menyelesaikan masalah semasa yang dihadapi masyarakat. Dunia kontemporari dengan pelbagai isu, adalah sesuatu yang mencabar. Namun, dalam dunia dakwah, salah satu bahagian penting dalam metodologi ini ialah kemahiran pendakwah itu sendiri yang perlu mencapai tahap hikmah untuk memastikan dakwah itu disampaikan dengan baik dan berkesan, lebih-lebih lagi dalam dunia kontemporari. Ini seperti yang disarankan oleh Allah dalam ayat 125 Surah al-Nahl kerana pendekatan yang keras dan kasar hanya akan menyebabkan sasaran dakwah menjauhi pendakwah. Pendekatan dakwah tidak sekadar menerusi seni ucapan sahaja, tetapi ia juga meliputi keperibadian pendakwah, tindakannya, tajuk dan topik, memahami sasaran dakwah termasuklah cara mendekati mereka (Burhanuddin Jalal et al, 2018). Justeru, di sini terletak keperluan untuk melatih pendakwah terutamanya pendakwah kontemporari supaya dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran tertentu supaya dapat menguasai cara yang terbaik dalam mendekati sasaran dakwah.

Bimbingan dan latihan untuk pendakwah bukanlah baharu kerana Rasulullah sendiri dibimbing oleh Allah dalam menjalankan usaha dakwah. al-Khalidi (2002) dan al-Ka'bi (2015) telah menyenaraikan banyak ayat al-Quran yang menjelaskan tentang bimbingan dan teguran Allah terhadap Rasulullah dalam mendekati sasaran dakwah. Pengajaran dari teguran itu bukanlah hanya untuk Rasulullah sahaja, tetapi ia merupakan teladan buat umat Islam dalam menjalankan usaha dakwah. Menurut Abdul Karim Zaidan (2000), kisah dakwah para rasul perlu dijadikan rujukan kerana mereka telah menunjukkan teladan yang baik. Bimbingan dan latihan mungkin dilihat sebagai suatu yang baharu apabila ia dijalankan secara bermodul dalam sesebuah organisasi dakwah. Ia merupakan keperluan organisasi pada masa kini untuk

menghasilkan kumpulan pendakwah yang terlatih dengan kemahiran tertentu khususnya bagi berhadapan dengan cabaran umat pada masa kini. Menurut Burhanuddin Jalal et al. (2018), pendakwah disifatkan sebagai kontemporari kerana ia sesuai dengan keperluan semasa, bukan disebabkan dakwah itu sudah lapuk, tetapi disebabkan usaha dakwah itu yang perlu disesuaikan dengan keadaan zamannya. Artikel ini akan membincangkan elemen asas dalam latihan dan bimbingan menjadi pendakwah kontemporari dengan mengambil kira pendekatan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW.

Konsep Latihan dan Bimbingan

Latihan dan bimbingan merupakan usaha untuk membangunkan kemahiran modal insan untuk mencapai sesuatu matlamat. Menurut Faizah Yunus (2003), latihan dan bimbingan merupakan suatu proses mendapatkan dan memperbaiki tiga aspek iaitu kemahiran, pengetahuan dan sikap untuk meningkatkan kebolehan dan prestasi dalam sesebuah organisasi. Walaupun hampir sama dari sudut matlamat, tetapi terdapat perbezaan antara latihan dan bimbingan dari sudut jangka masa. Azlah Md Ali et al. (2009) berpandangan latihan biasanya berlaku dalam jangka masa yang pendek kerana latihan kebanyakannya datang dalam bentuk program ataupun bengkel. Manakala bimbingan pula adalah proses membentuk dan mendidik seseorang ke arah kecemerlangan diri yang mengambil masa yang panjang. Nasrudin Sidi (2010) berpendapat bimbingan adalah satu proses yang berterusan dan sepanjang umur kerana pembelajaran tiada bernoktah melainkan mati. Latihan dan bimbingan dalam sesebuah organisasi perlu diberikan secara berterusan kerana ia adalah satu usaha yang mempunyai matlamat jangka masa pendek dan panjang. Malahan, sesetengah organisasi khususnya organisasi korporat sanggup melabur wang yang banyak kepada latihan bagi melahirkan pekerja yang terlatih.

Tujuan utama latihan dan bimbingan dalam organisasi ialah untuk membentuk sikap dan kemahiran pekerja atau ahli supaya menyokong aktiviti yang dirancang dan untuk memperolehi lebih kerjasama dan komitmen atau kesetiaan. Ia juga bertujuan untuk menambah keyakinan dan moral pekerja atau ahli kepada usaha yang ingin dicapai oleh organisasi. Faizah Yunus (2002, 2003) menyatakan hubungan yang rapat antara pengetahuan dan kemahiran yang diberikan dengan kualiti dan prestasi kerja yang baik akan membentuk kepercayaan kepada diri sendiri yang secara langsung akan meningkatkan kemahirannya berlipat kali ganda. Ia mewujudkan hubungan kukuh antara pekerja dengan kerjanya, iaitu hubungan optimum manusia-kerja dan meningkatkan kemahiran dan mengelak fenomena keusangan (*obsolescence*). Dalam masa yang sama, perubahan dan perkembangan semasa yang pesat menjadikan latihan sebagai keperluan yang mandatori bagi pekerja. Mereka perlu diperkembangkan dengan kemahiran yang baharu supaya mereka boleh meningkatkan keberkesanan hasil kerja.

Selain itu, latihan juga perlu untuk memperbaiki prestasi pekerjaan dan seterusnya memperbaiki prestasi organisasi (Azlah Md Ali et al. 2009). Cara yang paling efektif dan efisien dalam menjalankan sesuatu tugas atau pekerjaan dipelajari oleh pekerja semasa latihan. Menurut Faizah Yunus (2002), latihan membantu pertambahan produktiviti dan lebih berkualiti dalam masa yang sama memperbaiki kualiti pekerjaan dan mengurangkan pembaziran dan kesilapan. Kesilapan dalam operasi di tahap minimum dapat dibaiki melalui

proses latihan dan masalah pembaziran, pengulangan dan kerosakan akan berkurangan. Kekurangan dalam metode kerja juga diselesaikan dalam sesi latihan. Ini menyebabkan pengurangan bahaya dan kejadian kemalangan. Akibatnya persekitaran kerja yang selamat dan baik diwujudkan dan memperolehi kepuasan kerja. Semua ini dapat dicapai melalui latihan dan pembangunan.

Latihan dan Bimbingan Terhadap Rasulullah

Berdasarkan kepada sejarah dakwah para rasul terdahulu, mereka menerima cabaran dan halangan yang berat termasuklah Rasulullah. Namun, semua rasul tetap komited melaksanakan usaha dakwah ini dengan jayanya walaupun tidak semua umat mereka menerima dakwah Islam. Latihan dan bimbingan dari Allah menerusi wahyu telah membantu mereka menjalankan usaha ini dengan jaya dan semua itu menjadi panduan kepada umat Islam seterusnya. Sebagai rasul pun dibimbing menerusi wahyu dari Allah apatah lagi pendakwah yang tidak maksum pasti memerlukan latihan dan bimbingan. Keduanya berlaku kepada para Rasul yang terdahulu seperti yang terdapat dalam jadual berikut

Jadual 1: Teguran dan Bimbingan dari Allah terhadap Rasulullah

| Bil | Nama Rasul | Surah | Teguran |
|-----|---------------|----------------------------|--|
| 1 | Nabi Musa | Taha : 86, 92-93 | Allah menegur Nabi Musa meninggalkan kaumnya ke bukit Bukit Thur kerana tidak sabar bertemu Allah |
| 2 | Nabi Adam | Taha : 121 al-Araf : 22 | Allah menegur Nabi Adam dari memakan buah dalam syurga |
| 3 | Nabi Nuh | Hud : 45-46 | Allah menegur Nabi Nuh kerana berdukacita akan kematian anaknya yang tidak beriman kepada Allah |
| 4 | Nabi Yunus | Assaffat : 142 | Allah menegur Nabi Yunus ketika baginda meninggalkan kaumnya dalam keadaan yang marah kerana kaumnya enggan mengikutinya |
| 5 | Nabi Sulaiman | Sad : 34 | Allah mengingatkan Nabi Sulaiman supaya mengur isterinya |

Rasulullah yang merupakan penghulu kepada semua rasul telah dilatih dan dibimbing oleh Allah dalam menjalankan usaha dakwah ini (al-Khalidi 2002; al-Ka'bi 2015). Namun, pengajaran dalam latihan dan bimbingan itu bukanlah hanya untuk baginda sahaja, tetapi untuk ditunjukkan kepada umatnya yang menjalankan usaha dakwah. Ia juga bukanlah untuk menunjukkan Rasulullah itu banyak melakukan kesalahan, tetapi untuk menunjukkan perkara itu perlu diberi perhatian oleh umatnya. Dalam masa yang sama ia juga menunjukkan bahawa dakwah itu dipenuhi dengan liku-liku dan cabaran yang hebat. Latihan dakwah telah diterima oleh Rasulullah apabila baginda beribadat di Gua Hira. Allah telah melatih Baginda bermula dengan mengasingkan diri dari masyarakat Arab Jahiliah dan beribadat di Gua Hira' dalam beberapa tempoh sehinggalah Jibrail datang membawa wahyu. Setelah 10 tahun baginda

Rasulullah melaksanakan usaha dakwah, latihan yang intensif telah diberikan kepada Rasulullah menerusi peristiwa al-Isra wa al-Mikraj. Baginda telah diperjalankan ke al-Masjid al-Aqsa dan diperlihatkan dengan pelbagai peristiwa kemudian diangkat ke langit. Dalam peristiwa al-Mikraj ini, Rasulullah telah bertemu dengan para rasul, para malaikat dalam rupanya yang sebenar, dibawa menembusi alam langit sehingga *sidratul muntaha* bertemu dengan Allah. Peristiwa ini lebih untuk mengukuhkan kerohanian baginda dan memberikan keyakinan lagi kepada Rasulullah. Peristiwa pengasingan diri ke Gua Hira' berlaku dalam tempoh 6 bulan dan peristiwa al-Isra wa al-Mikraj dalam tempoh satu malam, bertepatan dengan konsep latihan kerana keduanya berlaku dalam tempoh tertentu.

Kemudian, Allah telah membimbing Rasulullah dalam tempoh 23 tahun dengan memberikan tunjuk ajar, teguran dan harapan bermula dengan ayat 1-5 Surah al-Mudatthir. Dalam 5 ayat ini, Allah telah memberikan perintah langsung kepada Nabi Muhammad S.A.W untuk menyampaikan dakwah kepada kaumnya. Ayat ini menyuruh Nabi Muhammad bangun dari berselimut setelah ketakutan pulang selepas menerima wahyu yang pertama.

Jadual 2: Teguran dan bimbingan dari Allah terhadap Rasulullah

| Bil | Nama surah | Teguran |
|-----|---------------------|--|
| 1 | An-Nisa : 103-105 | Bersifat tegas dan adil berdasarkan hukum Allah |
| 2 | al-An'am : 54 | Tawaduk dan tetap bersabar terhadap orang miskin dan lemah |
| 3 | al-Isra' : 73-74 | Tidak melayan musyrikin tawar menawar agama Allah dengan kenikmatan harta benda dan pangkat yang mereka miliki |
| 4 | al-Anfal : 67-71 | Tidak mementingkan tawanan dalam peristiwa tawanan perang |
| 5 | At-Taubah : 42-49 | Memberi pelepasan kepada kaum munafikin dalam meninggalkan perang Tabuk |
| 6 | At-Taubah : 84 | Solat jenazah Bapa Munafik (Abdullah bin Ubay) |
| 7 | At-Taubah : 113-114 | Mendoakan keampunan kepada orang munafik dan kafir |
| 8 | al-Kahfi : 23-24 | Alpa dalam mengucapkan Insya Allah dalam hendak melakukan sesuatu |
| 9 | Hajj : 52-54 | Keinginan untuk berjumpa syaitan |
| 10 | al-Ahzab : 36-40 | Takut melakukan perintah Allah apabila disuruh berkahwin dengan bekas isteri anak angkat baginda |
| 11 | At-Tahrim : 1-5 | Mengharamkan perkara yang halal semata-mata mencari keredaan isterinya yang iri hati |
| 12 | Abasa : 1-2 | Mengabaikan permintaan Abdullah bin Ummu Maktum kerana kesibukan melayan dakwah musyrikin |

Menurut al-Khalidi (2002), Allah memberikan teguran kepada nabi supaya dapat memilih cara yang terbaik dan memastikan asas sesuatu perkara itu adalah berdasarkan wahyu daripada Allah. Ini kerana seseorang rasul terpelihara dan bersifat maksum. Allah berfirman dalam Surah al-Araf 181, Ali Imran 33, al-Nisa 59, 64 dan 113. Sifat maksum rasul adalah sebagai melemahkan serangan terhadapnya, menjauhkan daripada perkara yang menyakiti baginda, keperluan manusia kepada utusan yang maksum dan kewajipan menurut yang maksum. Di samping itu, al-Ka'bi (2015) berpendapat, teguran Allah SWT tidak sama sekali

menjejaskan kemuliaan, keterpeliharaan dan kemaksuman seorang rasul. Semua teguran dan bimbingan Allah di atas melibatkan sikap dalam muamalah dan ilmu.

Selain itu, Rasulullah juga telah membimbing para sahabat dalam melaksanakan usaha dakwah. Antara yang dilakukan oleh Baginda ialah:

1. **Aspek akidah dan pembersihan budaya.** Rasulullah s.a.w pada peringkat awal dakwahnya, menekankan aspek akidah dan pembersihan budaya. Dalam proses ini, Rasulullah memberikan penekanan dalam kefahaman yang betul dalam agama iaitu akidah. Proses bimbingan itu pada peringkat awal berlaku di rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam. Rasulullah mengajak umatnya menyembah Allah dan meninggalkan penyembahan berhala (Mohamad Abu Bakar, 2010). Ini kerana budaya penyembahan berhala adalah satu perkara yang sudah sebatu dalam kehidupan masyarakat Arab. Tindakan Rasulullah ini sebenarnya melambangkan apa yang dinyatakan oleh Nurzatil Ismah dan Nazneen (2014) iaitu *murabbi*, mengenali Allah dalam masa yang sama bersifat muaddib. Dengan kata lain, Rasulullah mengajak kepada keesaan Allah, membersihkan budaya dan pada masa yang sama membimbing dan mengajar para sahabat.
2. **Aspek akhlak.** Rasulullah membimbing sahabat dalam berdakwah melalui pengajaran akhlak dan juga penghayatan cara berakhlak. Azmin dan Muhamad Ismail (2017) berpandangan akhlak sangat dipentingkan oleh Baginda dalam melatih para sahabat. Allah menjadikan Rasulullah sebagai contoh teladan kepada orang beriman dan mengurniakan akhlak yang baik kepada Rasulullah s.a.w sebagaimana yang disebutkan dalam al-Quran : “Dan sesungguhnya, engkau Muhammad, benar-benar memiliki akhlak yang agung” (Surah al-Qalam: 4). Rasulullah menunjukkan contoh yang baik kepada para sahabat (Azyyati et al. 2017). Selain itu, perkara ini juga dapat dilihat melalui prinsip tarbiah diberikan kepada para sahabatnya dengan prinsip memuji, berbuat baik, belas kasihan, tidak mengasari sahabat, tidak memalukan dan menjaga maruah mereka. Baginda sering mengucapkan rasa kasih sayang dengan ikhlas semata-mata kerana Allah s.w.t., mengucap tahniah apabila memperolehi kebaikan dan mengucap takziah apabila ditimpa musibah, menziarahi ketika sakit, tidak mencela dan mengata sahabat, mendoakan sahabat, tidak membebaskan sahabat, bersahabat dengan tulus dan ikhlas, mengutamakan keperluan sahabat, tidak menyakiti sahabat atau membiarkan untuk disakiti atau dizalimi, menasihati sahabat, memperbaiki kekurangan sahabat, memahami keadaan sahabat dan bertoleransi terhadapnya dan menggembirakan sahabat (Azmin & Muhammad Ismail, 2017).
3. **Aspek Pendidikan.** Pendidikan adalah salah satu cabang dalam melatih pembangunan modal insan para sahabat. Nur Liyana et al. (2017) memberikan contoh apa yang dilakukan pada zaman Nabi dengan pusat pendidikan seperti masjid sebagai pusat aktiviti. Akademi Arqam di Makkah dan Madinah diperkenalkan sebagai pusat Intelektual Islam, Akidah, pembedahan akhlak dan perkembangan ilmu-ilmu lain. Di samping itu, Rasulullah juga meletakkan syarat pembebasan tawanan perang seperti dalam perang badar dengan syarat mengajar orang Islam membaca dan menulis. Ini menunjukkan aspek pendidikan adalah keutamaan yang ditunjukkan Rasulullah dalam membimbing para sahabat.

4. **Aspek kepemimpinan.** Rasulullah telah membimbing para Sahabat dalam menjalankan aktiviti dakwah sehingga dapat menyebarkan Islam hingga ke seluruh semenanjung Tanah Arab. Bakat kepemimpinan Rasulullah ditunjukkan sejak baginda berjaya meleraikan perbezaan pandangan dalam isu perletakkan Hajarul Aswad di Mekah. Sifat Rasulullah yang lemah lembut dan berakhlak mulia merupakan antara resipi penting utama dalam kejayaan kepemimpinannya sehingga tiada ruang untuk mencela keperibadiannya. Sifat ini menjadikan baginda seorang yang popular, disayangi rakan dan disegani lawan. Baginda juga selalu tidak membuat keputusan sendiri kerana ia bergantung dengan Allah, manakala bagi urusan yang berkaitan keduniaan baginda meminta pandangan dari para sahabat dan orang ramai. Sungguhpun watak Baginda lembut dan manis tetapi baginda tegas dalam soal prinsip dan agama. Menurut Razaleigh (2014) dan Othman Talib (2007), baginda mengajar para sahabat dalam pemerintahan berkenaan kedaulatan dan kerajaan, kehakiman, kepemimpinan, syura, kesetiaan dan ketaatan. Baginda juga telah membina masjid sebagai pusat pentadbiran dan sumber pemulihan sosial, mempersaudarakan muhajirin dan Ansar, mengikat perjanjian, membuat piagam Madinah, melaksanakan sistem dan penyebaran dakwah antara negara. Ideris dan Abdul Ghafar (2017) berpandangan ilmu kepemimpinan dalam latihan dakwah diberikan termasuklah melatih para sahabat menjadi diplomasi kepada ketua-ketua negara sekitar Madinah menyampaikan agama Islam. Dakwah melalui Surat diplomasi ini dipanggil sebagai strategi diplomasi dan Strategi Fathul Islami yang diteruskan oleh para sahabat selepas baginda.

Latihan dan bimbingan merupakan keperluan dakwah untuk melahirkan pelapis dan penyambung perjuangan dakwah Islam. Faizah Yunus (2002) mengatakan latihan perlu diadakan berterusan seiring dengan perubahan manusia menerima pelbagai idea-idea baharu. Pembangunan latihan juga turut perlu diadakan terutama pembangunan sahsiah, peribadi dan juga kecekapan pengetahuan pendakwah. Perkara ini turut dinyatakan oleh Siti Rugayah Tibek (2011) yang menekankan kepentingan latihan untuk pendakwah. Abdul Karim Zaydan (2000) berpandangan ciri seorang pendakwah berjaya mesti dengan berbekalkan ilmu dan juga akhlak yang mulia. Dengan latihan dan bimbingan, para pendakwah mampu merancang kegiatan dakwah mereka dalam masa yang sama muhasabah dan memperbaiki diri sebelum turun dan bersama masyarakat.

Elemen Kandungan dalam Program Latihan dan Bimbingan

Menurut kajian lepasan, tiga aspek utama yang menjadi tumpuan dalam latihan ialah pengetahuan, kemahiran dan sikap (Faizah Yunus, 2003; Lu Yi et al. 2014). Aspek yang pertama iaitu pengetahuan yang merujuk kepada proses pencerapan maklumat fakta melalui proses pembelajaran sama ada melalui pembelajaran formal atau tidak formal. Pengetahuan juga dikenali sebagai maklumat yang benar yang menjadi asas dalam proses latihan dan bimbingan. Latihan dan bimbingan berasaskan ilmu akan lebih berkesan. Dalam konteks memberikan latihan kepada pendakwah, sangat penting pendakwah itu dilatih dan dibimbing dari sudut ilmu pengetahuan kerana ia adalah asas dalam penyampaian dakwah. Elemen kedua

adalah kemahiran. Kemahiran dapat difahami sebagai aplikasi ilmu pengetahuan dalam bentuk perbuatan. Kemahiran juga penting dalam memastikan keberkesanan dakwah. Pendakwah haruslah diberi latihan dan bimbingan pada kemahiran yang penting seperti komunikasi iaitu pengucapan awam, kemahiran bermuamalah iaitu menyantuni lapisan masyarakat yang berbeza dan juga kemahiran dalam mengaplikasi kaedah dakwah moden seperti di media sosial. Ketiga, adalah elemen sikap. Sikap merujuk kepada kepercayaan dan pendirian yang diterjemahkan dalam perilaku. Sikap sangat penting pada pendakwah kerana masyarakat sekeliling akan menumpukan kepada perilaku yang ditunjukkan oleh pendakwah. Justeru, latihan dan bimbingan sikap para pendakwah haruslah sentiasa dilakukan dalam menjaga imej seorang pendakwah.

Justeru itu, melihat kepada tiga asas dalam latihan dan bimbingan serta konsep latihan dan praktis latihan yang telah wujud dan digunakan pada zaman Nabi Muhammad s.a.w, terdapat keperluan untuk melatih dan membimbing para pendakwah. Latihan kepada pendakwah diperlukan dalam tiga aspek berikut:

1. Latihan dan bimbingan dari sudut pengetahuan (Ilmu)

Wahyu pertama yang diterima oleh Rasulullah berkaitan dengan ilmu yang memberi erti bahawa organisasi dakwah perlu mempunyai aktivis yang mempunyai ilmu dan pengetahuan untuk mendekati sasaran dakwah. Ilmu menyediakan kandungan dakwah yang menjadi bahan utama dalam penyampaian dakwah, selain dari mendekati dirinya dan manusia yang lain kepada Allah. al-Qaradawi (1991) dalam kitab *Thaqafat al-da'iah* telah menyenaraikan bidang ilmu yang perlu dikuasai oleh pendakwah meliputi enam sudut iaitu *al-Islamiah, al-Tarikhiyyah, Thaqafat al-Adab wa al-Lughawiyah, al-Insaniah, al-ilmiyyah dan al-waqi'yyah*. Sesuai dengan perkembangan ilmu yang meluas dan berkembang pada masa kini, pendakwah tidak mungkin dapat menguasai semua cabang dan bidang ilmu. Mereka boleh memilih bidang yang sesuai dengan ilmu, potensi dan kemahiran yang sedia ada. Sungguhpun demikian, semua mereka perlu menguasai tiga ilmu asas berkaitan dengan Islam iaitu ilmu tauhid, fikah dan tasawuf termasuklah ilmu yang berkaitan al-Quran dan hadis. Sungguhpun begitu, alim dalam semua bidang bukanlah syarat dalam menyampaikan dakwah kerana dakwah ialah mengajak manusia kepada kebaikan. Walau bagaimanapun, pengetahuan yang mendalam dalam bidang agama merupakan suatu kelebihan yang perlu dikuasai untuk menjadikan dakwah disampaikan dengan cara yang terbaik.

Ilmu dan pengetahuan dalam bidang ilmu wahyu pula semakin berkembang. Banyak teori baharu, konsep baharu, kajian dan penemuan baharu yang perlu diikuti oleh pendakwah. Walau pun bukan semua, tetapi mereka perlu mengikutinya khususnya yang berkait dengan bidang kepakaran mereka. Dalam bidang bukan ilmu wahyu pula, sekiranya ada berkaitan dengan pengkhususan mereka, latihan dan bimbingan perlu diikuti. Ini kerana ilmu yang berkaitan dengan bidang pengkhususan mereka sangat penting dalam membantu mereka sebagai pendakwah kontemporari. Justeru, latihan kepada para pendakwah perlu meliputi aspek kaedah dan teknik untuk mencari dan mendapat ilmu dalam suasana teknologi maklumat yang sedang berkembang pesat. Ilmu tidak hanya diperoleh secara *talaqqi* tetapi ia boleh dicapai menerusi atas talian tetapi pendakwah perlu dilatih cara untuk mendapatkannya. Lebih dari itu, mereka juga perlu didedahkan cara untuk menapis pelbagai pandangan *fuqaha* dan ilmuwan yang

banyak terdapat dalam media baharu. Perbincangan tentang aliran pemikiran dalam tauhid, fikah mahupun tasawuf juga perlu didedahkan kerana ia akan memberikan suatu ukuran untuk memilih pandangan yang tepat. Untuk bimbingan pula, ia dilakukan secara berkala menerusi kelas atau *daurah*, mahupun pembelajaran secara formal di institusi pengajian awam dan swasta di peringkat sijil, diploma, ijazah dan ke atas. Kuliah-kuliah secara tidak formal seperti menghadiri majlis ilmu di surau atau mana-mana tempat. Selain itu, bimbingan tidak formal juga boleh diberikan kepada para pendakwah melalui aktiviti kemasyarakatan di kawasan seperti pendalaman, gelandangan dan seumpama dengannya.

2. Latihan dan bimbingan dari sudut sikap

Sikap lahir dari aspek dalaman dan personaliti yang akan memandu kelakuan dan tingkah laku seorang individu. Menurut Fiesben dan Ajzen (1975), sikap didefinisikan sebagai satu bentuk kecenderungan manusia bertindak secara konsisten terhadap sesuatu perkara sama ada objek mahupun situasi. Sikap boleh mempengaruhi keberkesanan dalam memberikan dakwah. Ini kerana sikap adalah asas kepada akhlak atau tingkah laku. Pendakwah seharusnya berusaha mencontohi sikap-sikap mahmudah yang ditunjukkan para anbia dan sahabat Rasulullah dalam menyebarkan dakwah. Tambahan pula, pendakwah kontemporari berhadapan dengan sikap manusia yang berbeza dengan sebelumnya disebabkan perubahan arus dunia. Justeru, pentingnya sikap yang baik dan positif seperti memahami dan tidak menghukum dalam seseorang pendakwah dalam menentukan kejayaan dakwah. Pendakwah, pada kebanyakan masa bermuamalah dengan orang ramai terutamanya masyarakat di sekeliling. Sikap seseorang pendakwah terutamanya dalam bermuamalah sesama masyarakat seharusnya diberikan perhatian. Ini kerana ia dapat mempengaruhi mesej yang disampaikan oleh pendakwah tersebut. Tambahan pula, sikap yang ditunjukkan menggambarkan peribadi seorang pendakwah. Justeru, kepentingan sikap dalam bermuamalah bagi memastikan kejayaan sesuatu dakwah. Nabi menyarankan hikmah dan peringatan yang baik sebagai asas penyampaian dakwah dan asas ini bermula dari sikap. Sikap pendakwah haruslah dilatih dan dibimbing (Siti Rugayah Tibek, 2011). Latihan dari sudut sikap sangat penting untuk diterapkan sebagai salah satu latihan yang diperlukan kepada para pendakwah.

Latihan dari sudut sikap kepada pendakwah boleh dilakukan melalui program-program dan kursus pembangunan sosial. Kursus seumpama ini sangat penting dalam memberi pendedahan dalam pembentukan sikap pendakwah. Namun kursus berkaitan sikap ini haruslah dilakukan dalam berdasarkan perancangan yang teliti dan diselia oleh pakar dalam pembentukan diri individu untuk menghasilkan program yang berkesan. Di samping itu, pendedahan kepada aktiviti kemasyarakatan seperti projek komuniti servis juga boleh memberikan pendedahan dan melatih pendakwah dari sudut sikap. Program-program seperti ini dapat membentuk sikap kerana pendakwah turun kepada masyarakat. Pendakwah akan dapat melihat keadaan sebenar masyarakat dan ini dapat membantu mengubah persepsi sesetengah pendakwah yang kemungkinan mempunyai persepsi negatif kepada sesetengah golongan masyarakat seperti golongan masyarakat yang mempunyai masalah sosial. Manakala, bimbingan tentang sikap juga mesti dilakukan kerana bimbingan dalam sikap sangat penting dalam memastikan sikap yang baik pendakwah itu berterusan. Bimbingan kepada para pendakwah boleh dilakukan melalui cara seperti usrah berkala sesama pendakwah yang mana

boleh membantu pendakwah berkongsi kekangan dan masalah yang dihadapi dalam dunia dakwah. Selain itu, pendakwah yang di bawah seliaan sesuatu organisasi dakwah, program seperti mentor-mentee boleh dilakukan melalui ketua dan mentor-mentor dalam sesebuah organisasi dakwah. Program seperti ini adalah salah satu bimbingan untuk pendakwah kerana kebiasaannya ia dilakukan berkala dan berterusan.

3. Latihan dan bimbingan dari sudut kemahiran

Kemahiran merujuk kepada kecekapan dan keupayaan dalam melakukan sesuatu perkara. Kemahiran kebiasaannya dimanifestasikan dalam tindakan. Menurut Faizah Yunus (2003), kemahiran seseorang itu diukur dengan kemampuan seseorang melakukan tugas secara baik, cekap dan berkesan. Dalam konteks dakwah, kemahiran merupakan salah satu perkara yang sangat signifikan. Kemahiran adalah pelengkap kepada ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh pendakwah. Pendakwah tidak dapat menyampaikan ilmu pengetahuan dengan baik dan berkesan tanpa kemahiran komunikasi seperti penyampaian dakwah dengan baik. Antara kemahiran yang seharusnya dimiliki para pendakwah adalah kemahiran komunikasi, interaksi sosial, penggunaan media sosial dan teknologi. Sebagai contoh, penggunaan bahasa yang sesuai dengan lapisan masyarakat yang berbeza oleh pendakwah (Izzatul Ulya Munirah & Zainah, 2018). Di samping itu, keperluan dari sudut kemahiran dan kecekapan serta kemahiran lain yang berkait dengan tindakan sangat penting untuk dilatih agar pendakwah tidak hanya fokus kepada percakapan sahaja namun manifestasi percakapan itu dapat dilihat daripada tindakan.

Pendakwah kontemporari seharusnya dilatih dan dibimbing dalam pelbagai kemahiran seperti pengucapan awam, kemahiran mendekati kumpulan orang yang didakwah (Mohd Effendi, 2010). Kemahiran pendakwah boleh dilatih melalui kelas-kelas dan program-program dakwah menggunakan teknologi, pengucapan awam, program jelajah masjid dan juga ziarah pelbagai golongan masyarakat seperti golongan gelandangan dan warga emas. Pendakwah yang biasa dilatih dalam memberikan pengucapan awam, berinteraksi dengan pelbagai golongan, menggunakan teknologi dan media sosial akan cenderung untuk menjadi lebih mahir dalam komunikasi dan interaksi sosial. Dalam usaha melatih pendakwah, bimbingan kemahiran juga sangat perlu, oleh itu kemahiran seseorang pendakwah mestilah dibimbing oleh guru yang mempunyai kepakaran dalam sesuatu kemahiran. Sebagai contoh bimbingan dalam kemahiran pengucapan awam untuk pendakwah, guru yang mengajar pengucapan awam haruslah daripada guru yang mahir dan terlatih. Bimbingan kemahiran kepada pendakwah boleh dilakukan dengan kelas-kelas pengajian dan pengasahan kemahiran secara sistematik.

Kesimpulan

Latihan dan bimbingan dalam sesebuah organisasi bertujuan untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran kakitangan dan ahli. Latihan merupakan aktiviti jangka pendek, manakala bimbingan pula adalah aktiviti jangka masa panjang. Kedua aktiviti ini boleh dijalankan meliputi pelbagai tajuk dan topik untuk menambah ilmu, melatih kemahiran dan membetulkan sikap. Bagi pendakwah, latihan dan bimbingan merupakan keperluan kerana banyak cabaran dalam dakwah sangat hebat dan pelbagai. Pendakwah perlu meningkatkan ilmu dan kemahiran untuk berhadapan dengan semua keadaan sebagaimana Rasulullah dilatih dan dibimbing secara

berterusan oleh Allah. Ini termasuklah membetulkan sikap kerana pendakwah sebagai manusia mungkin terpengaruh dengan runtunan hawa nafsu, bisikan syaitan dan tarikan dunia. Sikap ini yang perlu dilatih dan dibimbing serta ditegur supaya boleh terus istiqamah dan berterusan dalam melaksanakan usaha dakwah. Tidak semestinya ia dijalankan oleh organisasi dakwah kerana latihan dan bimbingan ini boleh dijalankan oleh mana-mana pihak asalkan dapat memenuhi objektif yang digariskan. Justeru, para pendakwah juga haruslah meletakkan kesediaan pada diri mereka untuk dilatih dan dibimbing untuk memastikan dakwah tentang Islam dapat disampaikan dengan baik.

Rujukan

- Azlah Md Ali, Thuaibah Rozeyta Omar Noor Ella Mohamad Zip Nor Suziani Ismail Thahiroh Zulkifli. 2009. Keberkesanan latihan di kalangan kakitangan kumpulan sokongan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Darul Aman. Dalam. *Amalan Latihan dan Pembangunan Sumber Manusia di Malaysia* (57-81). Johor: Penerbit UTM.
- Azlina Kamaruddin. 2017. Analisis Kualitatif terhadap Faktor Kegagalan Komunikasi Pembujukan dalam Konteks Pengucapan Awam. *Jurnal Komunikasi* 33(3): 89-106
- Azmin Yusof & Muhamad Ismail Abdullah. 2017. Adab Unggul Islam Dalam Persahabatan Antara Insan. *Malaysian Online Journal of Education* 1(2):102-112.
- Azzyati Mohd Nazim, Fariza Md Sham & Salasia Hanin Hamjah. 2012. Khidmat sosial wanita pada zaman Rasulullah s.a.w. *Jurnal al-Hikmah* 4:37-49
- al-Bayanuni, Muhammad Abu al-Fath. 1995. *al-Madkhal Ilā Ilm al-Da'wah*. Beirut: Muassah al-Risalah.
- Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail Sayuti Ab Ghani. 2018. Dinamika Pendakwah Melaksana Dakwah Pelbagai Etnik. *Education and Social Sciences* 9(1): 45-51.
- Burhanuddin Jalal. 2017. Transformasi Pendakwah Dalam Konteks Dakwah Pelbagai Etnik. Dlm. Abdul Ghafar & Ahmad Irdha Moktar. *Dakwah Pelbagai Dimensi*. Bangi: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan.
- Faizah Yunus. 2002. Latihan dan Pembangunan. *Malaysian Journal of Social Administration*. 1. 79-91.
- Faizah Yunus. 2003. Analisis Keperluan Latihan. *Malaysian Journal of Social Administration* 2: 1-19.
- Fisbein, M & Ajzen. I. 1975. *Belief, Attitude, Intention and Behaviour : An introduction to theory and research*. Reading MA: Addison-Wesley.
- Ideris Endot & Abdul Ghafar Don. 2017. Analisis Urus Tadbir Perutusan Diplomasi Dakwah Rasulullah Selepas Pembukaan Kota Mekah. Dlm. Abdul Ghafar & Ahmad Irdha Moktar (2017). *Dakwah Pelbagai Dimensi*. Bangi: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan.
- Izzatul Ulya Munirah Abd Aziz & Zainab Ismail. 2018. Trait Personaliti Pendakwah : Satu Sorotan Literatur. *Jurnal al-Hikmah*10(1): 34-54.
- al-Ka'bi, Zainul Abidin Abdun Ali. 2015. *Ayat 'Itab al-Anbiya 'fi al-Qur'an al-Karim*. Karbala: al-Atabah al-Husayniyyah al-Muqaddasah
- al-Khalidi, Salah Abd al-Fattah. 2002. *'Itab al-Rasul fi al-Qur'an Tahliluhu Wa Taujihi*. Dimashq: Dar al-Qalam.

- Lu Yi, Karen B. Marais & Zhang Shu-guang. 2014. Conceptual modelling on training and organizational risk dynamics. *Procedia Engineering* 80: 313-328.
- Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore. 2010. Hubungan Antara Faktor Demografi Terhadap Fobia Pengucapan Awam Dalam Kalangan Pelajar Politeknik: Suatu Kajian Awal. *Journal of Human Capital Development* 3(1): 85-98.
- Mohamad Abu Bakar Abdul Rahman. 2010. Metodologi Dakwah Rasulullah S.A.W. Di Peringkat Permulaan Di Mekah: Aplikasinya Di Singapura. Tesis Ijazah Sarjana: Universiti Malaya.
- Nasrudin Sidi. (2010). Pendekatan dakwah Ismail Lutfi Japakiya: Kajian tentang tarikan dakwahnya di Selatan Thailand/Nasrudin Sidi. Thesis Sarjana: Universiti Malaya.
- Nur Liyana Ibrahim, Norlida Mohamad Ramli, Adanan Mat Junoh & Khairunneezam Mohd Nor. 2017. Dakwah sebagai strategi pembangunan modal insan. Dlm. Khairunneezam Mohd Noor, Suria Hani Abdul Rahman & Zulkiple Abd. Ghani (Pnyt.). *Dakwah Kontemporari & Media*. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM
- Nurzatil Ismah Azizan & Nazneen Ismail. 2014. Ke arah pembentukan universiti *ta'dibi* kajian terhadap madrasah tarbiah Rasulullah S.A.W. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*. 1(2):100-123
- Othman Talib. 2007. Pengurusan Dakwah Zaman Rasulullah SAW. Dalam. Abdul Ghafar Don, Berhanundin Abdullah & Zulkiple Abd. Ghani (Pnyt.). *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia: Konsep dan Pelaksanaan*. Bangi: Penerbit UKM.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1986. *Thaqafat al-Da'iah*. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Razaleigh Muhamat@ Kawangit. 2010. *Kepimpinan Dan Pengurusan Islam: Sejarah Teori Perlaksanaan*. Bangi: Jabatan Dakwah Dan Kepimpinan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Razaleigh Muhamat@ Kawangit. 2014. *Pelaksanaan Dakwah Dan Politik Islam Zaman Rasulullah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Rugayah Tibek. 2011. Profesionalisme Dakwah: Harapan dan Cabaran. *Jurnal al-Hikmah* 3: 167-173.
- Zaydan, 'Abd al-Karim (2000). *Usul al-Da'wah*. Beirut Lubnan: al-Risalah Publisher.